

15 JAN 2004

Syed Hamid-Keselamatan

KESELAMATAN MUNGKIN DIBANGKITKAN PADA RUNDINGAN BANGKOK

PUTRAJAYA, 15 Jan (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar menegaskan bahawa tidak ada topik khas untuk dibincangkan semasa lawatan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Thailand esok namun isu keselamatan mungkin dibangkitkan pada perbincangan peringkat tertinggi itu di Bangkok.

Sebagai jiran, beliau berkata, Malaysia dan Thailand akan memastikan kerjasama erat dalam aspek menjaga keselamatan dan menentang kumpulan pengganas.

"Selain isu hubungan dua hala lain, saya percaya bahawa kedua-dua Perdana Menteri (Abdullah dan rakan sejawatannya dari Thailand Thaksin Shinawatra) akan membincangkan keadaan keselamatan semasa dan kemungkinan ancaman," kata beliau memberitahu pemberita selepas pelancaran buku mengenai bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Wisma Putra, di sini hari ini.

Pihak berkuasa di Thailand dan Malaysia telah meningkatkan kerjasama mereka berikutan beberapa kekacauan di selatan Thailand awal bulan ini.

"Dalam sebarang insiden yang berlaku di Thailand yang ada elemen kemungkinan aktiviti pengganas atau mereka yang boleh menjejaskan kestabilan atau campur tangan dengan keamanan dan keselamatan, tentulah kedua-dua pihak berminat menjalin kerjasama dan bekerja rapat dalam bidang tertentu untuk tujuan pencegahan," kata Syed Hamid.

Menteri itu melahirkan keyakinan bahawa hubungan baik antara Kuala Lumpur dan Bangkok akan diperkukuhkan lagi dengan lawatan Abdullah, iaitu sebahagian daripada siri lawatan beliau ke negara Asean sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada 31 Okt lepas.

Syed Hamid berkata kedua-dua pihak berminat meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan serta pelancongan.

"Saya melihat, lawatan berkenaan bertujuan meningkatkan lagi persefahaman dan kerjasama kita," kata beliau bahawa ia bertujuan memperbaharui hubungan pemimpin-ke-pemimpin.

Beliau berkata setakat ini lawatan Abdullah telah membawa beberapa pendekatan baru yang membolehkan Malaysia melaksanakan dasar luarnya dalam bentuk yang memanfaatkan hubungan dengan negara-negara Asean lain.

-- BERNAMA

MAM BK